

Mempunyai 5 kelopak bermaksud 5 Prinsip Rukun negara

Diisytiharkan sebagai Bunga Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu pada 28 Julai 1960

MERAH melambangkan keberanian, Keteguhan Pentadbiran dan Ekonomi serta Keharmonian



Pada awalnya, sebanyak 7 jenis bunga telah dicadangkan oleh Kementerian Pertanian untuk menentukan Bunga Kebangsaan Negara iaitu :

- Bunga Kenanga
- Bunga Raya
- Bunga Melur
- Bunga Teratai
- Bunga Mawar
- Bunga Cempaka
- Bunga Tanjung

dan akhirnya, Bunga Raya atau Hibiscus Rosa-sinensis telah dipilih sebagai bunga kebangsaan Malaysia.

Kenapa Bunga Raya Dipilih ?

- Berbunga sepanjang tahun
- Mudah ditanam
- Mudah didapati dalam negara
- Warnanya yang cantik dan menarik

Bunga Raya telah didaftarkan sebagai objek Warisan Negara di bawah kategori Objek Warisan Ketara pada 2007, sebagaimana termaktub dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005.

**INILAH DIA BUNGA RAYA
BUNGA KEBANGSAAN KEBANGGAAN KITA
MERAH DAN PUTIH CANTIK WARNANYA
MENJADI LAMBANG NEGARA MALAYSIA**